

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 4, August 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Peranan dan Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Menyatupadukan Pelbagai Etnik di Sabah

Sharifah Darmia Binti Sharif Adam[1]
[1]Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Sharifah Darmia Binti Sharif Adam (shdarmia@ums.edu.my)

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan tentang peranan dan cabaran bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu sebagai satu bahasa dalam menyatupadukan pelbagai etnik di negeri Sabah. Pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia diisytiharkan secara rasmi terdiri daripada gabungan negeri-negeri Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Selaras itu, Peruntukan-peruntukan khas mengenai bahasa kebangsaan di Sabah terkandung dalam Perkara 161 perlembagaan negara. Walaupun peruntukan perlembagaan tersebut menjelaskan bahawa Sabah diberikan jangka masa selama 10 tahun untuk menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi tetapi kemudian pada 16 September 1973 bahasa Melayu telah diisytiharkan sebagai bahasa rasmi tunggal bagi negeri Sabah. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahasa kebangsaan dapat melaksanakan peranannya sebagai satu bahasa yang dapat menyatu padukan pelbagai etnik di Sabah. Namun, kepelbagaian etnik dengan kewujudan pelbagai bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat di Sabah menyebabkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sekaligus bahasa perpaduan menghadapi pelbagai cabaran. Oleh itu, perbincangan dalam kertas kerja ini difokuskan terhadap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengukuhkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai bidang di Sabah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh bahasa kebangsaan untuk memupuk perpaduan dalam masyarakat pelbagai etnik di negeri tersebut. Kajian kertas kerja ini dibuat menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk menambah baik atau merangka dasar dan polisi lebih baik khususnya dalam perkara yang memberikan manfaat terhadap pengukuhan perpaduan masyarakat pelbagai etnik di Sabah.

Kata kunci: bahasa kebangsaan, bahasa Melayu, perpaduan etnik

The Roles and Challenges of the National Language in Uniting the Various Ethnic Groups in Sabah

Abstract

This paper discusses the roles and challenges of the national language, which is Malay as a language in uniting the various ethnic groups in Sabah. On September 16, 1963, the Federation of Malaysia was officially declared which comprised of the Malay States, Singapore, Sabah and Sarawak. In line with that, the special provisions on the national language in Sabah are contained in Article 161 of the national constitution. Although the provision of the constitution clarify that Sabah was given a 10-year period to use Malay and English as the official languages but later on September 16, 1973 the Malay

language was declared the sole official language for the state of Sabah. Hence, various efforts have been made by the government to ensure the national language can play its role as a language that can unite the various ethnic groups in Sabah. However, ethnic diversity with their own ethnic mother tongue languages has resulted in the Malay language as a national language as well as the language of unity to face many challenges. Therefore, the discussion in this paper is focused on policies undertaken by the government to strengthen the national language in various fields in Sabah and the challenges faced by the national language to foster unity among the various ethnic communities in the state. This study was conducted using a qualitative analysis approach and used archive study methods as well as library study to obtain research information sources. This study will produce an analysis that can be used as a reference to improve or formulate policies particularly in matters that benefit in strengthening the multi-ethnic communities in Sabah.

Keywords: national language, Malay language, ethnic unity

Pengenalan

Bahasa kebangsaan sangat penting bagi pembinaan identiti sesebuah negara. Di Malaysia, bahasa Melayu telah dipilih menjadi bahasa kebangsaan. Bahasa Kebangsaan diwujudkan sebagai medium komunikasi atau bahasa pertuturan umum dan bahasa rasmi negara bagi menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai etnik.[i] Menurut Ismail Hussien, bahasa Melayu adalah satu daripada 200 bahasa dalam rumpun bahasa kepulauan Melayu yang kemudiannya berkembang menjadi bahasa yang penting.[ii] Bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* sejak berabad lalu di kepulauan Melayu.[iii] Ia menjadi bahasa perantara dalam urusan pemerintahan dan perdagangan. Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia sudah tentunya akan menimbulkan persoalan kepada orang-orang yang sentiasa mengikuti perkembangan dan perjalanan bahasa Melayu. Oleh itu, perlu untuk melihat semula dari aspek sejarah perkembangannya sebelum merdeka bagi memahami sebab dan mengapa bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi negara ini dapat dilihat melalui pendapat Za'ba[iv] dalam tulisannya bertajuk "Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka". Dalam tulisan tersebut, Za'ba telah memberikan enam sebab mengapa bahasa Melayu dipilih menjadi bahasa kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Sebab-sebab tersebut ialah:

i. Tanah Melayu ialah negeri orang Melayu
ii. Bahasa Melayu ialah bahasa tulen negeri ini
iii. Bahasa Melayu adalah bahasa perantaraan negeri ini
iv. Bahasa Melayu adalah bahasa yang hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman
v. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa republik Indonesia
vi. Bahasa Melayu adalah bahasa yang mudah.[v]

Walau apapun sebab yang diberikan, pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah tepat dan bersesuaian sekiranya diteliti melalui sejarah dan latar belakang penduduk di Tanah Melayu sendiri. Hal ini kerana sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum berbeza latar budaya, bahasa, kepercayaan dan lain-lain yang begitu ketara akan berhadapan dengan masalah untuk mencapai perpaduan. Walau bagaimanapun, menyedari kepentingan perpaduan dalam memastikan pembangunan negara maka bahasa Melayu difikirkan salah satu medium yang akan dapat mencapai perpaduan tersebut. Oleh itu, apabila Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957[vi] turut termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu.
Kemudian pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia terbentuk dengan pengabungan negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.[vii] Selaras dengan itu, peruntukan-peruntukan khas berhubung negeri Sabah mengenai bahasa kebangsaan terkandung dalam Perkara 161 Perlembagaan Malaysia.[viii] Namun demikian, situasi masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai

etnik bukan sahaja menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan memikul peranan besar sebagai alat mewujudkan perpaduan tetapi juga menyebabkan bahasa kebangsaan turut berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Peranan Bahasa Kebangsaan dalam Menyatupadukan Pelbagai Etnik di Sabah

Kerencaman penduduk di negeri Sabah yang terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek,[ix] mempunyai agama serta amalan adat resam yang berbeza menjadikannya sebuah negeri yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Namun demikian, kepelbagaian tersebut menjadikan usaha untuk mewujudkan perpaduan antara etnik di negeri tersebut perlu dilaksanakan dengan lebih gigih. Menurut seorang sarjana bernama Fasold dalam buku hasil tulisannya berjudul *The Sociolinguistics of Society: The Introduction to Sociolinguistics* menyatakan bahawa bahasa kebangsaan bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa yang digunakan untuk mentadbir negara atau digunakan dalam bidang pendidikan tetapi juga merupakan simbol identiti penggunanya sebagai rakyat negara tersebut.[x] Selain itu, bahasa kebangsaan berperanan penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa kerana ia menjadi satu unsur perpaduan kebangsaan melalui pelaksanaanya sebagai bahasa perhubungan dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik seperti di Sabah. Oleh itu, jelaslah bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan merupakan satu alat yang boleh menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik di Sabah.

Hal ini kerana sebelum tahun 1963 terdapat pelbagai bahasa yang digunakan oleh setiap etnik di Sabah untuk tujuan bertutur atau berkomunikasi. Antara bahasa-bahasa tersebut adalah seperti bahasa Dusun Lotud, Dusun Rungus, Dusun Tambunan, Bajau Darat, Bajau Laut, Ilanun, Murut Tiulon, Murut Sumambuq, Paitan dan Suluk.[xi] Senarai kumpulan etnik, subetnik, suku, kumpulan bahasa dan dialek di Sabah dapat dilihat berdasarkan jadual 1 berikut,

Jadual 1: Senarai Kumpulan Etnik, Subetnik, Suku, Kumpulan Bahasa dan Dialek di Sabah

Senarai Kumpulan Etnik, Subetnik, Suku, Kumpulan Bahasa dan Dialek di Sabah
Bajau, Bisaya, Bonggi, Bookan, Bugis, Cina, Dumpas, Dusun, Gana, Hulu, Ida'an, India, Iranun, Kadazan, Kagayan, Kalabakan, Kalabuan, Kedayan, Keningau, Kepulauan, Kokos, Kimaragang, Kinabatangan, Kuijau, Labuk-Kinabatangan, Lobu, Lotud, Lundayeh, Makiang, Mangkaak, Melayu, Minokok, Murut, Okolod, Paitan, Paluan, Papar, Rungus, Sama Selatan, Selungai, Sembakung, Serudung, Sinabu, Sino-Kadazan, Suluk, Sungai, Tagal, Tatana', Tausug, Tempasuk Dusun, Tenggara, Tidung, Timugon, Tinagas, Tobiling, Tombunuo, Ubian, kumpulan etnik pekerja-pekerja migran dan pelbagai kumoulan etnik, subetnik, suku, kumpulan bahasa dan dialek yang lain

Sumber: *Modul Hubungan Etnik* (edisi kedua), Shamsul Amri Baharuddin (ketua editor), Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 13.

Justeru itu, antara langkah yang paling sesuai untuk membentuk perpaduan semangat kebangsaan dalam kalangan etnik di Sabah adalah melalui penggunaan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang sama iaitu bahasa Melayu.[xii] Hal ini selaras dengan hasrat kerajaan persekutuan yang menjadikan agenda kedaulatan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi penting untuk membina identiti Malaysia dan menyatupadukan berpuluh-puluh rumpun etnik di Sabah, Sarawak dan semenanjung dengan satu *lingua franca*.[xiii]

Perkara mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Dalam perlembagaan tersebut telah termaktub bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Berikutan itu, pembentukan Malaysia pada 16 September 1963[xiv] bukan hanya bermakna pembebasan beberapa buah negeri yang dijajah tetapi adalah untuk membentuk satu bangsa yang bersatu padu. Dengan kata lain, pembentukan Persekutuan Malaysia bukan sahaja membantu negeri Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura mencapai kemerdekaan yang lebih cepat tetapi juga membantu negeri-negeri tersebut untuk sama-sama menjadi satu bangsa yang bersatu dan kuat. Oleh itu, dengan penyertaan Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu dilihat berperanan penting sebagai alat utama untuk menyatupadukan dan mengintegrasikan pelbagai etnik di negeri tersebut.

Perbincangan mengenai peranan bahasa kebangsaan sebagai alat utama mewujudkan perpaduan antara etnik di Sabah tidak lengkap tanpa menjelaskan terlebih dahulu tentang proses pelaksanaannya di negeri tersebut melalui aspek perundangan. Dalam Perlembagaan Malaysia, peruntukan-peruntukan khas berhubung negeri Sabah mengenai bahasa kebangsaan terkandung dalam Perkara 161 Perlembagaan Malaysia.[xv] Antara isi kandungan dalam perkara tersebut menyatakan bahawa apabila Sabah menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, jangka masa selama 10 tahun diberikan untuk menggunakan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi.[xvi] Rentetan itu, apa pun yang terkandung dalam Perkara 152[xvii] berhubung soal bahasa kebangsaan, bahasa bumiputera yang digunakan di Sabah boleh digunakan dalam mahkamah-mahkamah bumiputera atau untuk apa-apa kanun undang-undang dan adat istiadat bumiputera.[xviii] Berkenaan dengan bahasa-bahasa bumiputera, sebagaimana yang telah diperakukan oleh Suruhanjaya Cobbold[xix] bahawa bahasa-bahasa tempatan yang digunakan dalam badan-badan perundangan hendaklah terus digunakan untuk 10 tahun.[xx]

Berikutan itu, apabila penguatkuasaan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967[xxi] yang menekan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang wajib digunakan secara meluas dalam semua urusan rasmi kerajaan, termasuk parlimen, mahkamah, jabatan-jabatan kerajaan, sekolah dan universiti.[xxii] Malah kelulusan bahasa kebangsaan dalam sijil persekolahan menjadi syarat wajib untuk menjawat sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam.[xxiii] Selain itu, nama-nama jalan dan papan iklan juga hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan.[xxiv] Tetapi situasi berkenaan bahasa didapati agak berbeza di Sabah memandang rakyat negeri tersebut telah menyatakan hasrat mereka tentang pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negeri tersebut yang disampaikan melalui laporan Suruhanjaya Cobbold.

Dalam masa yang sama, wakil-wakil dari Sabah boleh menggunakan bahasa Inggeris dalam Parlimen Persekutuan, mahkamah di Sabah dan dalam rayuan mereka. Bahkan, bahasa Inggeris juga digunakan dalam Dewan Negeri atau untuk tujuan rasmi yang lain.[xxv] Menurut perenggan 28 dalam Perjanjian London seperti yang terkandung dalam Peruntukan 161 Perlembagaan Malaysia menegaskan bahawa bahasa Inggeris masih boleh dipakai sebagai bahasa rasmi negeri Sabah sehingga 10 tahun selepas pembentukan Persekutuan Malaysia, atau sehingga Dewan Undangan Negeri itu sendiri menetapkan.[xxvi] Peruntukan ini sekaligus menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Inggeris terjamin sehingga bulan September 1973. Dengan kata lain, 10 tahun selepas Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963 iaitu sehingga pada tahun 1973, bahasa Inggeris boleh digunakan seperti berikut,

(a) Dalam kedua-dua Majlis Parlimen oleh anggota-anggota dari Sabah atau Sarawak.
(b) Dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah negeri-negeri itu dan juga dalam perbicaraan Mahkamah Agung yang mendengar rayuan atau rujukan daripada Mahkamah Tinggi negeri-negeri itu dan
(c) Dalam Dewan Negara dan maksud rasmi, termasuklah maksud rasmi kerajaan Persekutuan.

Walaupun 10 tahun selepas Sabah mencapai kemerdekaan merupakan satu tempoh yang agak lama tetapi ia bukanlah penghalang kepada bahasa Melayu memainkan peranannya sebagai alat utama memupuk perpaduan etnik di Sabah. Sebaliknya, tempoh tersebut memberikan ruang kepada pelbagai etnik di Sabah mempelajari dan bersedia untuk menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal di negeri tersebut. Perkara ini penting kerana kebolehan menggunakan

bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan dalam kalangan rakyat Sabah secara langsung membolehkan integrasi antara etnik dapat dicapai dengan lebih cepat. Dengan kata lain, kebolehan pelbagai etnik di Sabah dapat bertutur, berkomunikasi, berhubungan, berfikir dan bertindak dengan menggunakan 1 bahasa yang sama mewujudkan sikap saling memahami antara satu sama lain. Situasi tersebut berupaya mengikis sikap negatif seperti prasangka buruk, prejudis dan diskriminasi sekaligus mengelakkan konflik antara etnik berlaku.

Kemudian, pada 16 September 1973 bahasa Melayu telah diisytiharkan sebagai bahasa rasmi bagi negeri Sabah[xxvii] dan menjadi bahasa pengantara dalam pelbagai bidang di negeri tersebut. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan bahasa kebangsaan dapat melaksanakan peranannya sebagai medium yang dapat memupuk perpaduan antara etnik di Sabah. Antara usaha tersebut adalah penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)[xxviii] cawangan Sabah pada 1 Januari 1977 melalui gabungan DBP dan Biro Kesusteraan Borneo.[xxix] DBP cawangan Sabah ditubuhkan untuk melaksanakan proses pengembangan dan pembinaan bahasa Melayu supaya ia dapat diperkukuhkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi mahupun bahasa ilmu di Sabah. Selain itu, DBP juga berperanan sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab menerbitkan bahan-bahan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penyampaian. Pelbagai aktiviti dan program berkaitan bahasa kebangsaan telah dilaksanakan oleh DBP termasuklah mengadakan kempen iaitu Gerakan Cintai Bahasa Kita pada tahun 1987.[xxx] Hasilnya, walaupun masih terdapat beberapa kelemahan berkenaan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Sabah tetapi secara keseluruhannya DBP bolehlah dikatakan telah memberikan sumbangan besar kerana memperluaskan penggunaan bahasa kebangsaan di Sabah. Jelaslah bahawa DBP cawangan Sabah berperanan penting dalam mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang membolehkan perpaduan antara etnik di negeri tersebut dapat dipupuk.

Selain itu, peranan bahasa kebangsaan sebagai alat untuk memupuk perpaduan juga turut boleh ditinjau melalui bidang pendidikan kerana pengajian sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah ataupun pengajian tinggi bukan saja menjadi medan untuk menyampaikan ilmu dan mendapatkan pendidikan formal bahasa Melayu tetapi juga merupakan tempat berlangsungnya pertemuan anak-anak berbilang etnik. Peribahasa Melayu ada menyebut seperti berikut "melentur buluh biarlah dari rebungnya" merupakan perumpamaan yang sesuai untuk mengambarkan bahawa perpaduan antara etnik perlu dipupuk sejak dari kanak-kanak lagi iaitu bermula di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dengan kurikulum yang sama. Justeru itu, penekanan terhadap pembelajaran dan pengetahuan mengenai bahasa Melayu haruslah diterapkan sedari dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi.

Selepas Sabah menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 corak pendidikan di negeri tersebut turut digubal menjurus kepada corak pendidikan kebangsaan iaitu berbahasa pengantar bahasa Melayu.[xxxi] Hal ini kerana antara elemen utama dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah sistem persekolahan yang sama bagi semua individu di Malaysia, bahasa Melayu bertindak sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan, kurikulum serta peperiksaan sekolah yang mempunyai kandungan silibus yang serupa dan bercorak kebangsaan.[xxxii] Perkara ini juga jelas menunjukkan bahawa perpaduan rakyat menjadi aspek penting dan teras kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, berkenaan Dasar Pendidikan Kebangsaan tersebut Sabah sebenarnya secara beransur-ansur menerima pakai dasar-dasar yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1961.[xxxiii] Oleh itu, antara tahun 1963 sehingga 1973 bahasa pengantar yang digunakan bagi sekolah-sekolah di Sabah adalah bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Ia disebabkan oleh permintaan rakyat Sabah sendiri yang meminta tempoh 10 tahun selepas Sabah mencapai kemerdekaan untuk menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa bumiputera yang lain.

Oleh itu pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah di Sabah bermula pada tahun 1973 apabila Dewan Undangan Negeri Sabah meminda perlembagaannya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri Sabah.[xxxiv] Walau bagaimanapun, sekolah menengah Melayu telah dimulakan di Sabah pada tahun 1968[xxxv] dan penukaran bahasa pengantar dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Sabah juga telah dimulakan oleh sekolah Inggeris Darjah 1 pada tahun 1970.[xxxvi] Selaras dengan itu, anak-anak tempatan di Sabah bukan sahaja

berpeluang mendapat pendidikan yang sama seperti di negeri-negeri lain tetapi juga penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal bagi sekolah-sekolah di Sabah turut menggalakkan interaksi antara pelajar dari pelbagai latar belakang etnik. Keadaan tersebut secara langsung berupaya melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai nilai kerjasama dan semangat patriotisme yang tinggi.

Di samping itu, penekanan terhadap pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah menyebabkan semua buku teks yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ditulis dalam bahasa Melayu dan berlatar belakangkan masyarakat nasional. Situasi ini berhasil memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang latar belakang pelbagai etnik, menggelakkan sikap seperti prasangka buruk, prejudis, diskriminasi dan etnosentrisme sekaligus memberi kesedaran tentang pentingnya perpaduan untuk mewujudkan kehidupan yang harmoni. Jelaslah bahawa pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi menjadi salah satu langkah paling berkesan bukan sahaja untuk mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi juga sebagai bahasa perpaduan di Sabah.

Berdasarkan penelitian, didapati bahawa selain pihak kerajaan terdapat pertubuhan yang menyokong peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menyatupadukan pelbagai etnik di Sabah. Pertubuhan tersebut dikenali sebagai Badan Bahasa Sabah (BAHASA) yang merupakan pertubuhan dianggotai daripada kalangan penulis, guru, peminat, ahli bahasa dan sastera di Sabah.[xxxvii] Pertubuhan yang terbentuk melalui gabungan Persatuan Penulis-penulis Sabah (PERPESA) dengan Angkatan Persatuan Melayu Sabah (APMS) bermatlamat "menyatu padukan berbagai kaum di negeri ini menerusi satu bahasa".[xxxviii] Ahli-ahli pertubuhan BAHASA merasa yakin bahawa hanya dengan satu bahasa Malaysia akan makmur dan harmoni untuk menjamin generasi akan datang. Secara terperinci dasar dan tujuan pertubuhan BAHASA adalah seperti berikut:-

i. Menyatupadukan semua kaum di negeri Sabah khasnya Malaysia amnya menerusi bahasa rasmi yang tunggal iaitu bahasa Malaysia.
ii. Menyatupadukan seluruh penulis-penulis, guru-guru, peminat-peminat, ahli-ahli bahasa dan sastera di Sabah.
iii. Berusaha seluasnya dalam lapangan bahasa, sastera dan ilmu pengetahuan iaitu: berjuang dan mempertahankan kedaulatan bahasa dan sastera, mengadakan khidmat-khidmat bagi menggalak, meninggi dan memperkembangkan bahasa dan sastera.[xxxix]

Berdasarkan matlamat tersebut jelaslah bahawa BAHASA turut menyedari akan kepentingan bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang berperanan dalam menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Oleh itu, dalam mencapai hasrat tersebut, Encik Dzulkifli Abdul Hamid telah menjelaskan rancangan jangka pendek pertubuhan BAHASA iaitu semua anggota BAHASA mestilah menumpukan usaha dan segala daya upaya ke arah menyokong dasar kerajaan bagi merasmikan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang tunggal di Sabah selewat-lewatnya pada tahun 1970 atau tahun sebelumnya.[xl]

Di samping itu, terdapat juga pertubuhan lain yang menyokong bahasa Melayu dilaksanakan sebagai bahasa rasmi tunggal di negeri Sabah seperti Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA), Kesatuan Guru-guku Kerajaan Sabah (KGKS), Angkatan Gaya Baru Sabah (AGABA) dan lain-lain.[xli] Berdasarkan sokongan pertubuhan dan persatuan tersebut jelaslah dapat dilihat bahawa pelaksanaan bahasa Melayu bahasa yang berperanan menyatupadukan pelbagai etnik di negeri tersebut.

Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Menyatu Padukan Pelbagai Etnik di Sabah

Kepelbagaian etnik dengan kewujudan pelbagai bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat Sabah di Sabah menyebabkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sekaligus bahasa perpaduan menghadapi pelbagai cabaran. Antara cabaran tersebut adalah kebimbangan masyarakat Sabah terhadap pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negeri tersebut akan menyebabkan bahasa-bahasa etnik lenyap. Perkara ini telah memberi kesan buruk terhadap penggunaan bahasa Melayu di negeri tersebut. Namun begitu, sebagaimana yang termaktub

dalam Perlembagaan Malaysia perlu difahami dengan jelas bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bukanlah bermakna meminggirkan hak bagi bahasa-bahasa bumiputera lain di negeri Sabah. Bahkan bahasa-bahasa tersebut boleh digunakan, dipelajari atau diajar tanpa larangan kecuali bagi maksud rasmi.

Sementara itu, tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Inggeris terus menyaingi bahasa kebangsaan walaupun jelas sejak tahun 1973 bahasa Inggeris tidak lagi menjadi bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama di Sabah. Hal ini begitu ketara dalam sektor swasta yang masih kekal menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama atau syarat utama untuk memilih pekerja. Pendek kata, kelulusan bahasa Inggeris menjadi kayu pengukur kepada kelayakan seseorang untuk mendapatkan pekerjaan dalam sektor swasta. Sebenarnya, persaingan dengan bahasa Inggeris turut berlaku kerana terdapat sesetengah pihak yang berpandangan bahawa dengan menguasai bahasa Inggeris sahaja rakyat dan negara dapat berdaya saing dan mengikut arus kemajuan seperti bangsa-bangsa maju yang lain. Jika diteliti ternyata pandangan sedemikian sebenarnya memperlihatkan ketidakyakinan dan kepercayaan pihak tertentu terhadap kemampuan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mampu berhadapan dengan arus globalisasi khususnya dalam bidang ekonomi, teknologi dan ilmu.

Di samping itu, terdapat pandangan negatif yang mengandaikan bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai kosa kata yang cukup untuk mengungkapkan pelbagai keperluan.[xlii] Anggapan sedemikian bukan sahaja meremehkan keupayaan bahasa Melayu tetapi juga telah mempengaruhi minda masyarakat sehingga menyukarkan penggunaan bahasa Melayu secara meluas dalam pelbagai bidang. Situasi berkenaan ditambah pula dengan kelewatan penguatkuasaan bahasa Melayu di Sabah yang memberi kesan terhadap bahasa tersebut kerana terdapat golongan generasi lama di Sabah yang masih mengekalkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa utama atau bahasa perantara. Hal tersebut menyukarkan usaha integrasi melalui bahasa dalam kalangan etnik di Sabah.

Sebenarnya, jika diteliti terdapat pelbagai lagi cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu sabagi bahasa kebangsaan di Sabah. Menurut Saidatul Mahanis dalam penulisan artikel bertajuk "Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal",[xliii] mengenai penggunaan bahasa Melayu yang agak ranah di Sabah menyatakan bahawa bukan salah bahasa, tetapi kealpaan, kurang yakin dan ketidakupayaan penutur bahasa itu menggunakan bahasa dengan baik.[xliv] Situasi ini dapat dilihat melalui tindakan golongan generasi emas di Sabah yang masih mengekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara mereka menyebabkan kesukaran terhadap usaha mewujudkan perpaduan melalui bahasa kebangsaan dalam kalangan pelbagai etnik di Sabah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa kebangsaan telah berperanan penting sebagai alat utama untuk meyatupadukan pelbagai etnik di Sabah. Melalui pelaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan tunggal di Sabah bermula pada 1973 telah berhasil mewujudkan masyarakat pelbagai etnik yang bersatu padu di Sabah. Walau bagai manapun bahasa kebangsaan telah berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memupuk perpaduan etnik di Sabah. Berdasarkan Cabaran yang dihadapi jelaslah bahawa walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negeri Sabah tetapi didapati masih ada kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki untuk mengatasi cabaran tersebut. Hal ini kerana bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan membuka ruang berinteraksi yang lebih luas antara golongan etnik yang berlainan tetapi menjadi platform penting sebagai ajen yang menyatupadukan pelbagai etnik. Oleh itu, Walau pun pada hakikatnya terdapat pelbagai bahasa berbeza antara etnik tetapi ia seharusnya tidak dilihat sebagai faktor kegagalan membentuk perpaduan dalam kalangan pelbagai etnik di Sabah. Sebaliknya, ia merupakan satu cabaran besar yang memerlukan pengorbanan dan kerjasama pelbagai etnik supaya matlamat untuk mewujudkan perpaduan nasional dalam kalangan penduduk di Sabah berjaya dicapai.

Nota Akhir

[i] *Modul Hubungan Etnik*, Edisi Kedua, Shamsul Amri Baharuddin (ketua editor), Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 106.

[ii] Awang Sariyan, *Ceritera Bahasa,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 3-4.

[iii] Mohd Taib Osman, ``Sejarah Sepintas Lalu Perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia," dalam *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 101.

[iv] Pendeta Za'ba atau nama sebenarnya Zainal Abidin Bin Ahmad dilahirkan di Kampung Jempol dalam daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang pejuang dan ahli bahasa Melayu yang memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan bahasa Melayu di negara ini. Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Adnan Hj. Nawang, *Memoir Za'ba*, Ipoh: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003.

[v] Za'ba, "Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka," April 1956, (SP 18/2C/8), Arkib Negara Malaysia.

[vi] Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia, 1791-1965, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013, hlm. 94-95, rujuk juga Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 290.

[vii] Untuk penjelasan lanjut sila rujuk, *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013, hlm. 97-106.

[viii] Tun Mohamed Suffian bin Hashim. 1998. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 448.

[ix] Mat Zin Mat Kib. 2005. "Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan" dalam *Warisan Seni Etnik Sabah*, Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (editor), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, hlm.1.

[x] Fasold, R.W. 1987. *The Sociolinguistics of Society: The Introduction to Sociolinguistics,* Volume 1, London: Basil Balckwell.

[xi] Asmah Haji Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[xii] Asal usul bahasa Melayu dapat dilihat melalui kajian ahli-ahli bahasa yang menggolongkan bahasa Melayu ke dalam keluarga bahasa Melayu Polynesia atau Oceanic atau Austronesia. Bahasa ini digunakan di kawasan yang luas mulai dari Pulau Farmosa hingga ke New Zealand dan dari Madagascar hingga ke Pulau Easter. Selain itu, penyelidik bahasa juga menyatakan bahawa bahasa Melayu mempunyai pertalian dengan bahasa-bahasa Austro-asia yang meliputi bahasa Munda di India Tengah; bahasa khassi di Assam; bahasa Mon atau Talaig dan Khemer atau Kemboja di Indochina. Peranan bahasa Melayu sebagai lingua franca dan bahasa perantaraan di Tanah Melayu mencapai kemuncaknya pada zaman kegemilangan Melaka sebagai kuasa politik, ekonomi dan peradaban Melayu yang penting. Ketika itu, pengetahuan bahasa Melayu amatlah penting kepada semua bangsa yang mempunyai perhubungan dengan Tanah Melayu. Sebagai buktinya, sejak kurun ke-15 telah terdapat banyak senarai perkataan dan kamus Melayu yang disusun oleh bangsa asing. Misalnya, senarai perkataan Melayu dan Cina dalam tulisan Cina yang disusun sebelum tahun 1511. Manakala pada tahun 1521, Pigafeta yang merupakan seorang anak kapal 'Victoris' yang diketuai oleh Magellan telah menyusun senarai perkataan Melayu dan Itali semasa berlabuh di Pulau Tidore, Kepulauan Maluku. Malahan Emanuel Godinho de Eredia, seorang pengembara Portugis turut menyebut perihal bahasa Melayu dalam bukunya yang dipersembahkan kepada raja Sepanyol. Oleh yang demikian, jelas terbukti bahawa bahasa Melayu bukan sahaja menjadi lingua franca tetapi juga menjadi alat perhubungan di antara penduduk yang mendiami gugusan kepulauan Melayu. Apa yang menariknya, ketika itu tidak timbul sebarang tentangan terhadap kelayakan bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan oleh pelbagai bangsa. Justeru itu, sebab-sebab inilah yang mewajarkan bahasa Melayu itu diangkat sebagai bahasa kebangsaan bagi Tanah Melayu sebagai tanda menerima dan mempercayai tradisi sejak beratus-ratus tahun lalu. Penjelasan lanjut sila rujuk Noriah Mohammed. 1999. *Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, hlm. 41, Syed Hussien Alatas. 1991. ``Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan," dalam *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 186.

[xiii] Sufean Hussin. 2002. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia:Teori dan Analisis,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 152.

[xiv] Cadangan untuk menubuhkan Malaysia telah diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 dalam majlis jamuan yang dianjurkan oleh *Foreign Correspondents Association of South-East Asia* di Hotel Adelphi, Singapura. Penubuhan Malaysia mengambil masa kira-kira 28 bulan bermula Mei 1961 hingga September 1963. Pada 16 September 1963, Malaysia telah dibentuk melalui gabungan yang terdiri daripada 11 buah negeri di Tanah Melayu, Dua buah negeri di Borneo iaitu Sabah dan Sarawak serta Singapura. Pembentukan Malaysia ini dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman adalah berasaskan untuk

tujuan menjaga keselamatan dan mengekang penularan fahaman Komunis, sebagai cara mendapatkan kemerdekaan yang segera kepada Singapura, Sabah dan Sarawak, Brunei, perkongsian faedah ekonomi, membela masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak, menjaga hak dan kepentingan kaum bumiputera. Sila rujuk Mohamed Noordin Sopiee. 2005. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*, (2nd Edition), Kuala Lumpur: University Malaya Press, hlm. 129; Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 20, R.S. Milne dan Diane K. Mauzy. 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 63-72 dan Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia, 1791-1965, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013, hlm. 104-105.

[xv] Tun Mohamed Suffian bin Hashim. 1998. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 448.

[xvi] Asmah Haji Omar. 2004. *Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM Sebagai Pembina Bahasa,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 28.

[xvii] Apabila Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan telah meluluskan Perkara 152 (1) menjadi undang-undang untuk menguatkuasakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan bagi Persekutuan. Dalam Perkara 152 (1) disebut dengan jelas bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu, seperti yang diperuntukkan oleh parlimen dengan peruntukan bahawa:

(a) tidak akan ada seorang pun yang akan dihalang dari menggunakan (kecuali hal-hal rasmi) atau mengajar atau mempelajari bahasa-bahasa lain dan

(b) tidak ada sebarang peruntukan dalam perkara ini yang boleh mengganggu hak kerajaan Persekutuan atau sebarang kerajaan Negeri untuk memelihara dan memperkembangkan penggunaan dan pengkajian bahasa komuniti lain.

Penjelasan lanjut sila rujuk Malaysia. 1972. *Perlembagaan Persekutuan* (Terjemahan), Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, hlm. 171-172.

[xviii] Tun Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, hlm. 449.

[xix] Suruhanjaya Cobbold merupakan suruhanjaya yang dilantik oleh kerajaan British untuk menkaji kerangka dan syarat penubuhan Malaysia bagi Borneo Utara dan Sarawak. Suruhanajaya tersebut ditubuhkan selepas perbincangan Tunku Abdul Rahman dengan Perda entari British, Sir MacMillan pada 1 November 1961 di London. Tinjauan dibuat dalam kalangan ahli politik, pemeinpin tempatan dan orang ramai.Penjelasan lanjut sila rujuk Ramlah Adam. 2009. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 347.

[xx] Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2004. "Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal", dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, Mohd. Sarim Hj Mustajab dan Anantha Raman (editor), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, hlm. 157.

[xxi] Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 telah diluluskan pada oelh Dewan Rakyat pada 3 Mac 1967. Penjelasan lanjut sila rujuk, *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata & Maruah Kita*. 2002. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, hlm. 40-45.

[xxii] Sufean Hussin*, DasarPembangunan Pendidikan Malaysia:Teori dan Analisis,* hlm. 152.

[xxiii] Ibid.

[xxiv] Ibid.

[xxv] R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 73.

[xxvi] Zaini Oje @ Ozea. 2003. "Perkembangan Bahasa Melayu Di Sarawak," dalam Hamzah Hamdani dan Assmah Haji Osman (Penyelenggara), *Perkembangan Bahasa Melayu Di Sarawak*, Jawatankuasa Penyelenggara Seminar Perkembangan Bahasa Melayu Di Sarawak (2002), Kuching: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad, hlm. 136.

[xxvii] Saidatul Nornis Hj. Mahali, "Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal", dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, hlm. 156.

[xxviii] Secara Umumnya, Dewan Bahasa dan Pustaka DBP merupakan agensi yang berperanan penting dalam melaksanakan hasrat untuk memajukan dan mengembangkan bahasa kebangsaan di negara ini. DBP pada awalnya dikenali sebagai Balai Pustaka yang ditubuhkan pada tahun 1956 kemudian ditukar namanya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang berfungsi menerbitkan buku-buku bahasa Melayu dan menjalankan penyelidikan dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan. DBP diamanahkan untuk melakukan tugas membina dan mengembangkan bahasa Kebangsaan. Aspek-aspek bahasa yang tercakup dalam tugas DBP sebagai agensi pembinaan dan pengembangan bahasa ialah ejaan rumi, peristilahan, perkamusan, penyelidikan, dan pelaksanaan bahasa. Penjelasan lanjut sila rujuk Asraf Abdul Wahab, Awang Sariyan, Farid Onn dan Firdaus Abdullah,. 2007. "Penyatuan Bahasa Melayu Se-nusantara", dalam Abdullah Hassan (penyusun), Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002), Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, hlm. 594.

[xxix] Ibid., hlm, 158-159.

[xxx] Saidatul Nornis Hj. Mahali, "Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal", dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, hlm. 159.
[xxxi] Sufean Hussin. 1996. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 38.
[xxxii] Saidatul Nornis Hj. Mahali, "Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal", dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, hlm. 162.
[xxxiii] Akta Pendidikan 1961 adalah penyataan formal dan legslatif yang menjadi tonggak reformasi sistem pendidikan dan tonggak bagi Dasar Pendidikan Kebangsaan. Penjelasan Lanjut sila rujuk Sufean Hussin. 2002. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia:Teori dan Analisis*, hlm. 146-149.
[xxxiv] Ibid., hlm. 111-112.
[xxxv] Sufean Hussin. 2002. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia:Teori dan Analisis*, hlm. 160.
[xxxvi] Ibid., hlm. 112.
[xxxvii] Pertubuhan BAHASA diasaskan dalam satu pertemuan antara ahli jawatankuasa dan ahli dua buah persatuan penulis iaitu Persatuan Penulis-penulis Sabah (PERPESA) dengan Angkatan Persatuan Melayu Sabah (APMS) di rumah Encik Johari pada 15 Mac 1970. Pertubuhan BAHASA kemudiannya dirasmikan pada 19 Mac 1970 oleh yang di Pertuanya Encik Dzulkifli Abdul Hamid AMN. Penjelasan lanjut sila rujuk *Berita Harian*, 29 Mac 1970, hlm. 7.
[xxxviii] Ibid.
[xxxix] Ibid.
[xl] Ibid.
[xli] Ibid.
[xlii] Di semenanjung Malaysia, golongan yang menentang bahasa kebangsaan berpendapat bahawa bahasa Melayu masih kekurangan istilah dan perkataan-perkataan untuk melambangkan dan memperkatakan berbagai-bagai perkara, benda, dan kejadian yang terdapat dalam kebudayaan moden seperti dalam bidang ilmu pengetahuan yang dapat diperkatakan dalam bahasa Inggeris.[xlii] Sebenarnya, masalah linguistik merupakan masalah lazim yang dihadapi oleh semua bahasa yang sedang berkembang di dunia. Masalah linguistik yang dimaksudkan di sini ialah masalah peristilahan dan tatabahasa. Kekurangan istilah dalam pelbagai bidang dan istilah yang kerap kali berubah merupakan masalah yang sering dibangkitkan oleh guru, pelajar, penulis dan penerbit. Awang Sariyan, ``Bahasa Melayu Di Malaysia: Suatu Tinjauan Tentang Perkembangan dan Masalahnya," dalam Asraf, *Manifesto Budaya, Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa,* Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 1996, hlm. 15.
[xliii] Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2004. "Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal", dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, Mohd. Sarim Hj Mustajab dan Anantha Raman (editor), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, hlm. 163.
[xliv] Ibid.

Rujukan

Adnan Hj. Nawang. 2003. *Memoir Za'ba,* Ipoh: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Asmah Haji Omar. 1993. Susur Galur Bahasa Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 2004. *Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM Sebagai Pembina Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asraf Abdul Wahab, Awang Sariyan, Farid Onn dan Firdaus Abdullah,. 2007. "Penyatuan Bahasa Melayu Se-nusantara", dalam Abdullah Hassan (penyusun), *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002*), Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

Awang Sariyan. 1995. *Ceritera Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. 1996. "Bahasa Melayu Di Malaysia: Suatu Tinjauan Tentang Perkembangan dan Masalahnya," dalam Asraf, *Manifesto Budaya, Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Berita Harian, 29 Mac 1970.

Fasold, R.W. 1987. *The Sociolinguistics of Society: The Introduction to Sociolinguistics,* Volume 1, London: Basil Balckwell.

Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata & Maruah Kita. 2002. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Malaysia. 1972. Perlembagaan Persekutuan (Terjemahan), Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

Mat Zin Mat Kib, "Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan" dalam *Warisan Seni Etnik Sabah*, (2005) Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (editor), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Modul Hubungan Etnik, Edisi Kedua, Shamsul Amri Baharuddin (ketua editor), Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012

Mohamed Noordin Sopiee. 2005. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*, (2nd Edition), Kuala Lumpur: University Malaya Press.

Mohd Taib Osman, ``Sejarah Sepintas Lalu Perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia," dalam Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noriah Mohammed. 1999. *Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia. 2013. 1791-1965, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Ramlah Adam. 2009. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

R.S. Milne dan Diane K. Mauzy. 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2004. "Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal", dalam Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia, Mohd. Sarim Hj Mustajab dan Anantha Raman (editor), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Sufean Hussin. 2002. Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia:Teori dan Analisis, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Hussien Alatas. 1981. ``Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan," dalam Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sufean Hussin. 1996. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tun Mohamed Suffian bin Hashim. 1987. *Mengenal Perlembagaan Mal*aysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaini Oje @ Ozea. 2003. "Perkembangan Bahasa Melayu Di Sarawak," dalam Hamzah Hamdani dan Assmah Haji Osman (Penyelenggara), *Perkembangan Bahasa Melayu Di Sarawak*, Jawatankuasa Penyelenggara Seminar Perkembangan Bahasa Melayu Di Sarawak (2002), Kuching: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.

Za'ba, "Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka," April 1956, (SP 18/2C/8), Arkib Negara Malaysia.

Zulkifli Osman. 2004. "Peranan Bahasa Melayu Dalam Pembinaan Nasion Kebangsaan: Kes Negeri Sabah", dalam *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, Mohd. Sarim Hj Mustajab dan Anantha Raman (editor), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.